


Sepanjang
Ramadan

RUTIN MUSLIM

BERITA HARIAN 6/5/19 MS 19

SELAMAT MENYAMBUT RAMADAN 1440 HIJRAH



SUBUH



- ◆ Bersahur
 - ▲ Sekurang-kurangnya hidangan tamar dan air
- ◆ Sunat melewati sahur dan imsak
- ◆ Solat sunat fajar dua rakaat
 - ▲ Dilakukan sebelum mengerjakan solat Subuh
- ◆ Memperbanyakkan zikir dan selawat sementara menunggu masuk waktu solat Subuh
- ◆ Solat Subuh berjemaah
- ◆ Membaca satu maqra' al-Quran

PAGI



- ◆ Niat memulakan hari dengan doa supaya memperoleh keberkatan dan kebaikan dalam ibadah, urusan harian serta pekerjaan
- ◆ Solat sunat dhuha dua rakaat
- ◆ Doa mohon dimurah dan dilapangkan rezeki
- ◆ Membaca satu maqra' al-Quran

TENGAH HARI



- ◆ Qailulah
 - ▲ Tidur singkat pada tengah hari dengan niat mengikuti sunah Rasulullah SAW yang jika diamalkan memudahkan untuk bangun qiamulail

ZOHOR



- ◆ Solat sunat qabliyah dan ba'diyah
 - ▲ Daripada Ummu Habibah RA, Rasulullah SAW bersabda: **Barangsiapa mengerjakan solat (sunat) sebanyak 12 rakaat dalam sehari semalam, kelak akan dibangunkan untuknya sebuah rumah di syurga.** (HR Tirmidzi & Ibnu Majah)
 - ▲ 12 rakaat merangkumi empat rakaat sebelum solat Zohor dan dua rakaat selepasnya; dua rakaat selepas solat Maghrib; dua rakaat selepas solat Isyak dan dua rakaat sebelum solat Subuh
- ◆ Solat Zuhur berjemaah
- ◆ Membaca satu maqra' al-Quran

ASAR



- ◆ Solat sunat qabliyah
- ◆ Solat Asar berjemaah
- ◆ Membaca satu maqra' al-Quran

MAGHRIB



- ◆ Memperbanyakkan doa sebelum berbuka puasa
 - ▲ Antara waktu mustajab dan digalakkan berdoa
- ◆ Berbuka puasa
 - ▲ Disunatkan berbuka dengan tiga tamar, buah-buahan/kuih manis dan air
- ◆ Solat sunat qabliyah dan ba'diyah
- ◆ Solat Maghrib berjemaah

ISYAK



- ◆ Solat sunat qabliyah dan ba'diyah
- ◆ Solat Isyak berjemaah
- ◆ Solat sunat Tarawih 20 rakaat
- ◆ Tadarus al-Quran/Membaca dua maqra' al-Quran

TIDUR



- ◆ Niat untuk bangun pada tengah malam untuk qiamulail Dinihari
- ◆ Bangun untuk melaksanakan qiamulail
- ◆ Solat sunat taubat, hajat, tahajud dan witr (sekiranya belum witr ketika tarawih)
- ◆ Berzikir, selawat dan doa
- ◆ Membaca dua maqra' al-Quran

Nota: Satu juzuk al-Quran mengandungi lapan maqra'